

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 [SELASA]

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan dan perancangan Kementerian bagi memelihara kawasan tadahan air Ulu Muda. Adakah Lembaga Lembangan Ulu Muda (UMBA) sebagaimana dicadangkan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebelum ini diluluskan. Jika ya, bila ia akan dilaksanakan dan sekiranya tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penubuhan Lembaga Lembangan Ulu Muda (*Ulu Muda Basin Authority – UMBA*) sebagai sebuah badan berkanun bebas di bawah Kementerian ini yang bertanggungjawab ke atas pengurusan sumber air bagi tiga Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang adalah bertentangan dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana perkara berkaitan dengan sumber air dan tanah adalah terletak di bawah kuasa kerajaan negeri, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II – Senarai Negeri. Justeru, melalui cadangan ini Kerajaan Persekutuan dilihat akan melangkaui (*encroaches*) kuasa perundangan kerajaan negeri.

SOALAN NO : 44

2. Kementerian ini maklum bahawa, berdasarkan Perkara 11 (b), Senarai 1, Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa perundangan terhadap *interstate river*. Walau bagaimanapun, melalui peruntukan ini, Kerajaan Persekutuan hanya mempunyai kuasa ke atas sungai yang merentasi sempadan negeri itu sahaja.
3. Cadangan penubuhan UMBA yang dikemukakan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) turut mencadangkan pematuhan “Rancangan Lembangan Ulu Muda” yang melibatkan tanah, sumber air dan hutan yang merupakan bidang kuasa perundangan dan eksekutif kerajaan negeri. Dalam hal ini, Kementerian telah membuat semakan terhadap Enakmen Sumber Air Kedah, 2008 dan ia jelas menyatakan bahawa kawasan lembangan sungai adalah termasuk tanah yang berada di sekitar sungai. Enakmen Sumber Air Kedah 2008 juga telah memperuntukkan perkara berkaitan penyediaan rancangan lembangan sungai di negeri itu.
4. Walau bagaimanapun, bagi memelihara kawasan tadahan air Ulu Muda, Kementerian telah melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Intergated River Basin Management-IRBM*) di Lembangan Sungai Muda pada tahun 2018. Pelan IRBM ini perlu dijadikan asas oleh Kerajaan Negeri bagi pembangunan guna tanah di Lembangan Sungai Muda bagi mengelakkan berlakunya insiden pencemaran dan memastikan sumber air yang bersih dan mencukupi.
5. Sehubungan dengan itu, adalah wajar kedua-dua negeri iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Kedah mengadakan perbincangan bagi mengenal pasti kaedah yang terbaik serta tindakan bersepadu dalam menyelesaikan isu yang telah lama berlanjutan ini. Kementerian ini bersedia untuk menjadi pemudahcara (*moderator*) bagi rundingan di antara kedua-dua Kerajaan Negeri agar kelestarian sumber air dan alam sekitar di Lembangan Sungai Muda terpelihara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAカン]

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan pelan koordinasi yang dilakukan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Bekalan Akses Vaksin (JKJAV) dalam memastikan pembekalan vaksin CanSino ke Sabah tidak meminggirkan mana-mana kawasan luar bandar, lebih-lebih lagi kawasan Parlimen Kalabakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk agihan bekalan vaksin COVID-19 sehingga 30 September 2021, negeri Sabah masih diberi keutamaan dengan agihan sebanyak 2.59 juta dos di mana sejumlah 299,000 dos vaksin jenis Cansino (jumlah agihan bulan Ogos hingga 30 September 2021) telah diagihkan sebagai strategi vaksinasi kepada penduduk luar bandar atau pedalaman termasuk bukan warganegara seperti PATI, pelarian UNHCR dan golongan tanpa negara di Sabah.

Agihan ini adalah tertinggi berbanding negeri-negeri lain bagi bulan September 2021. Bagi agihan ke daerah – daerah di seluruh Sabah, ia akan dilaksanakan oleh CITF Negeri melalui program seperti jangkauan luar atau *outreach* termasuk di Parlimen Kalabakan.

Sehingga 30 September 2021, program jangkauan luar (*outreach*) di Sabah telah selesai pemberian dos berjumlah 533,293 dos dengan pecahan dos pertama sebanyak 373,608 dos manakala bagi pemberian dos kedua sebanyak 159,685 dos.

Sekian, terima kasih.